



pkausim
Persatuan Kakitangan Akademik Universiti Sains Islam Malaysia



INSPIRASI AKADEMIA

EDISI 3 / 2025

MESYUARAT
UTAMA
variah dan undangan



OBJEKTIF PKAUSIM

1. Untuk menjaga dan mempertingkatkan kepentingan, kebajikan dan perhubungan silaturahim ahli-ahlinya dalam suatu pertubuhan berdaftar.
2. Untuk menjadi platform penghubung tara dan kerjasama antara ahli-ahli PKAUSIM dengan pengurusan tertinggi USIM.
3. Untuk bekerjasama dan menyelaraskan pelbagai usaha dengan Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) atau Persatuan pegawai akademik IPTA lain dalam pelbagai hal.
4. Untuk menyebarkan pendapat bermaklumat tentang pelbagai aspek kepentingan akademik melalui penerbitan, seminar, dan sebagainya.



VISI PKAUSIM

Peneraju Kecemerlangan dan Kesejahteraan Akademia

MISI PKAUSIM

Memperkuh Keharmonian dalam Kalangan Akademia Melalui Pendekatan yang Inklusif dan Berkesan

89 Program Akademik:

- Sarjana Muda: 35 program
- Siswazah: 50 program
- Tamhidi: 4 program

1 Pusat Kecemerlangan:

International Fatwa & Halal Centre (IFFAH)

9 Fakulti:

- Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah
- Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan
- Fakulti Syariah dan Undang-undang
- Fakulti Ekonomi dan Muamalat
- Fakulti Sains Dan Teknologi
- Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan
- Fakulti Pengajian Bahasa Utama
- Fakulti Pergigian
- Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina

893 orang Ahli Akademik:

- Ahli Akademik Tempatan: 849 orang
- Ahli Akademik Antarabangsa: 44 orang

SUMBANGAN PKAUSIM

JAN-JUN 2025

**PERSARAAN
RM800**

**HAJI
RM600**

**KEMATIAN IBUBAPA
RM600**

**KECEMERLANGAN ANAK
RM300**

**KEMATIAN AHLI
RM500**

**KELAHIRAN CAHAYA MATA
RM300**

**KEMATIAN ANAK
RM100**

ALUAN PENGARAH

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmat dan izin-Nya, sekali lagi kita berjaya menerbitkan Inspirasi Akademia Edisi ke-3 bagi tahun 2025.

Saya ingin merakamkan ucapan selamat datang dan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pembaca yang budiman. Diharapkan penerbitan ini dapat memberi gambaran menyeluruh tentang pelaksanaan gerak kerja serta aktiviti Persatuan Kakitangan Akademik USIM (PKAUSIM) sepanjang penggal pertama tahun 2025.

Pada kesempatan ini juga, saya ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada seluruh warga akademik USIM yang sentiasa memberikan sokongan padu dan turut menjayakan pelbagai program yang telah dianjurkan oleh PKAUSIM dari bulan Januari hingga Jun 2025. Program-program ini dirangka dengan tujuan untuk meraikan dan menyantuni staf akademik dalam aspek akademik, kebajikan, pengurusan serta kesejahteraan mental dan emosi.

Tidak dilupakan, setinggi-tinggi penghargaan juga ditujukan kepada Biro Komunikasi dan Promosi PKAUSIM serta seluruh ahli jawatankuasa PKAUSIM yang telah menunjukkan komitmen tinggi dalam usaha mengumpul bahan penulisan bagi tujuan penerbitan Inspirasi Akademia Edisi ke-3 ini. Semoga usaha murni ini dapat diteruskan pada masa hadapan demi manfaat bersama.

Harapan saya agar tahun 2025 menjadi tahun yang lebih cemerlang buat seluruh warga akademik USIM serta dipenuhi dengan kejayaan, semangat kebersamaan, serta peningkatan dalam kesejahteraan dan profesionalisme masing-masing.

Selamat membaca dan semoga bermanfaat!

Profesor Dr. Azman Ab Rahman
Presiden Persatuan Kakitangan Akademik USIM (PKAUSIM),
2024-2026.



DARI MEJA EDITOR

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang
Assalamualaikum rahmatullah Wabarakatuh

Segala puji dan syukur dipanjatkan ke hadrat Allah SWT atas limpahan nikmat dan izin-Nya, Persatuan Kakitangan Akademik Universiti Sains Islam Malaysia (PKAUSIM) berjaya menerbitkan Inspirasi Akademia PKAUSIM Edisi ke-3 bagi tahun 2025. Penerbitan ini mencerminkan usaha berterusan PKAUSIM dalam memperkukuh peranan ahli akademik USIM di peringkat tempatan dan antarabangsa.

Sebagai institusi yang menjunjung integrasi ilmu naqli dan aqli, USIM terus berperanan penting dalam pembangunan pendidikan tinggi Islam di negara ini. Dalam konteks ini, PKAUSIM bertindak sebagai medium yang aktif dalam menyuarakan aspirasi warga akademik dan menyumbang secara positif terhadap pembinaan ekosistem pendidikan yang mampan, terbuka dan holistik.

Menyedari perubahan pantas dalam dunia pendidikan dan penyelidikan, PKAUSIM beriltizam menyediakan ruang kepada ahli untuk berkongsi pandangan, mengemukakan cadangan bernas, serta melaksanakan inisiatif yang memberi nilai tambah kepada masyarakat, agama dan negara. Program-program yang dilaksanakan saban tahun bukan sahaja berfokus kepada bilik kuliah, bahkan turut memberi perhatian kepada aspek pembangunan profesional, kebajikan ahli dan keterlibatan komuniti.

Penerbitan Inspirasi Akademia ini bertujuan mendokumentasikan pelbagai aktiviti dan inisiatif sepanjang penggal pertama tahun 2025, di samping merancang strategi masa depan yang lebih tersusun. Tumpuan utama penerbitan ini meliputi tiga komponen utama iaitu pengurusan, akademik, dan kebajikan, yang disusun rapi bagi memudahkan rujukan dan manfaat untuk semua pihak.

Kami mengharapkan agar penerbitan Inspirasi Akademia ini mampu menjadi sumber inspirasi serta dorongan kepada semua ahli akademik USIM untuk terus memainkan peranan aktif dalam mendukung aspirasi universiti, serta memperkukuh ikatan ukhuwah dan kerjasama sesama ahli.

Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada semua yang telah menyumbang dalam menjayakan penerbitan ini secara langsung atau tidak langsung, khususnya kepada Biro Multimedia dan Komunikasi PKAUSIM atas kesungguhan dan komitmen yang dicurahkan. Mudah-mudahan segala usaha yang digerakkan ini mendapat keberkatan dan redha daripada Allah SWT.

Selamat membaca!

Biro Multimedia dan Komunikasi
Persatuan Kakitangan Akademik USIM (PKAUSIM)

MEMOHON KEBERKATAN, MEMPERERAT UKHUWAH: TAHLIL & DOA SELAMAT

Majlis ini dianjurkan oleh biro kerohanian & kebajikan pada 3 Januari 2025 secara dalam talian. Tujuan majlis diadakan untuk memohon keberkatan dari Allah SWT agar diberikan kesejahteraan dan mendoakan kejayaan anak-anak dalam kalangan staf akademik USIM yang akan menduduki peperiksaan. Majlis dimulakan dengan bacaan surah Yassin, diikuti dengan bacaan tahlil yang dipimpin oleh Pengerusi PKAUSIM Prof. Dr. Azman Ab Rahman.

Usai bacaan tahlil, majlis diteruskan dengan bacaan doa selamat. Dalam ucapan ringkas, tuan pengerusi turut merakamkan penghargaan kepada semua ahli yang hadir serta menyeru agar majlis ini wajar diteruskan sebagai usaha menyuburkan nilai-nilai

Islam yang mampu mengeratkan tali persaudaraan dalam kalangan warga akademik USIM. "Dalam kesibukan kita menjalankan tugas akademik dan tanggungjawab hakiki, adalah penting untuk kita meluangkan masa memperkuatkan silaturahim, saling mendoakan, dan menyantuni sesama ahli. Inilah sebahagian daripada amalan yang dituntut dalam Islam," ujarnya.

Diharapkan program seumpama ini dapat diteruskan pada masa akan datang demi kelestarian ukhuwah, kesejahteraan rohani, dan kebajikan ahli PKAUSIM.



BANTUAN PRIHATIN BUAT ANAKANDA DR. KHADIJAH MUDA, PENSYARAH PUSAT PENGAJIAN TERAS, USIM

Dengan penuh rasa prihatin dan semangat ukhuwah, PKAUSIM telah membuka Kutipan Derma Kilat bagi membantu anakanda rakan kita, Dr. Khadijah Muda, Pensyarah di Pusat Pengajian Teras (PPT), yang sedang menghadapi ujian kesihatan dengan sakit kritikal pendarahan dalam otak. Kutipan ini bertujuan meringankan beban yang ditanggung oleh beliau sekeluarga dalam menghadapi saat-saat yang mencabar ini. Semoga sumbangan ikhlas yang diusahakan oleh pihak PKAUSIM menjadi amal jariah yang diberkati, serta dapat membantu meringankan ujian yang dihadapi oleh beliau dan keluarga.

"Sesungguhnya Allah sentiasa membantu hamba-Nya selagi mana hamba itu membantu saudaranya." (Riwayat Muslim)

MESYUARAT AGUNG KEWANGAN TAHUN 2024

Mesyuarat Agung Kewangan PKAUSIM Tahun 2024 diadakan bertujuan untuk membentangkan laporan aktiviti yang telah dilaksanakan sepanjang tahun serta penyata kewangan yang menunjukkan pergerakan kewangan persatuan bagi tempoh tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2024. Sesi ini berlangsung di Bilik Mesyuarat Utama FSU, USIM bertempat di Bilik Mesyuarat Utama FSU, USIM. Menurut laporan yang dibentangkan oleh Bendahari Kehormat Dr. Junaidah Abu Seman kepada 80 orang ahli yang hadir.



Untuk makluman, sepanjang tahun 2024, PKAUSIM telah berjaya melaksanakan pelbagai program yang memberi manfaat kepada ahli dan masyarakat sekeliling, selaras dengan objektif persatuan. Pengurusan kewangan sentiasa dikawal selia dengan baik untuk memastikan persatuan memberi manfaat kepada semua. Pihak jawatankuasa PKAUSIM merakamkan penghargaan kepada semua ahli yang sentiasa menyokong dari segi kewangan dan penglibatan. Diharapkan pada tahun 2025, PKAUSIM akan terus melaksanakan lebih banyak program yang bersifat pembangunan akademik, kebajikan ahli, serta khidmat kepada komuniti setempat.



PROGRAM FI QALBI 3.0: 25 TAHUN USIM: CABARAN & MASA DEPAN AKADEMIA

Bersempena sambutan 25 Tahun Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), PKAUSIM dengan kerjasama Jabatan Pendaftar telah menganjurkan Program Fi Qalbi 3.0 bertemakan “25 Tahun USIM: Cabaran & Masa Depan Akademia” pada 21 Januari 2025 bertempat di Bilik Mesyuarat Utama FSU, USIM. Program ini diadakan bagi membuka ruang diskusi dan dialog konstruktif berkaitan hal ehwal pembangunan kerjaya staf akademik, khususnya berkaitan isu-isu kenaikan pangkat, hala tuju akademia, serta menyemai kefahaman tentang sejarah dan visi penubuhan PKAUSIM sebagai suara rasmi warga akademik USIM. Program telah menjemput YBrs, Profesor Dr. Irwan Mohd Subri dari Fakulti Syariah dan Undang-undang, USIM dan wakil dari Jabatan Pendaftar ialah YBrs, Encik Mohd Syaifool Eidzzwan A. Halim, Ketua Seksyen, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia.

Antara fokus utama program adalah membincangkan cabaran dan isu berkaitan kenaikan pangkat yang dihadapi dalam kalangan ahli akademik. Antaranya:

- Kriteria penilaian yang kian membebankan dengan memberi penekanan tambahan kepada penerbitan berimpak tinggi, geran penyelidikan antarabangsa, perundingan dan pencapaian inovasi.
- Cabaran dalam bidang pengajaran dan penyelidikan melibatkan keseimbangan antara beban pengajaran, tugas pentadbiran, serta tuntutan penerbitan dan penyelidikan.
- Kefahaman tentang dasar dan prosedur kenaikan yang kerana masih wujud kekeliruan dalam kalangan staf tentang interpretasi kriteria, laluan akademik dan dokumentasi yang diperlukan dan
- Keadilan dan ketelusan proses penilaian di peringkat fakulti dan jabatan pendaftar



Program ini berakhir dengan sesi rumusan yang menegaskan bahawa PKAUSIM bersama Jabatan Pendaftar beriltizam untuk terus memperkukuh komunikasi dua hala, memperhalus dasar-dasar berkaitan pembangunan kerjaya akademik, dan memperjuangkan kebajikan ahli secara berterusan. Semoga program ini menjadi titik tolak kepada pengukuhan akademia USIM yang lebih berdaya saing, progresif dan seimbang antara nilai Islam dan kecemerlangan duniawi.

DARI IDEA KE MANUSKRIP, DARI IMPIAN KE GERAN

Bengkel Penulisan Bab dalam buku & Proposal Geran PKAUSIM disertai oleh lebih 40 orang ahli akademik USIM Seajar dengan usaha memperkukuh budaya penulisan ilmiah dan meningkatkan kadar pencapaian geran penyelidikan dalam kalangan staf akademik Biro Akademik dan Latihan PKAUSIM telah mengambil inisiatif menganjurkan Bengkel Penulisan Bab dalam Buku & Proposal Geran bertempat di Bilik Mesyuarat Utama FSU pada 19 Februari 2025. Program ini dihadiri oleh lebih 30 orang ahli akademik USIM dari pelbagai fakulti dan bidang pengkhususan. Bengkel ini dikendalikan oleh Prof. Dr. Azman Ab Rahman dari Fakulti Syariah dan Undang-undang, USIM.



Bengkel ini bertujuan untuk membimbing para pensyarah dalam menulis bab buku berindeks serta menghasilkan proposal geran penyelidikan yang berkualiti dan kompetitif, selari dengan kehendak universiti dan agensi pembiaya penyelidikan. Selain itu bengkel ini menjadi platform kolaborasi dalam kalangan peserta terlibat untuk mewujudkan jaringan penerbitan bersama dan projek penyelidikan berimpak tinggi yang bakal memberi manfaat kepada USIM. Ia sejajar dengan aspirasi universiti dalam memartabatkan budaya penyelidikan dan penerbitan bertaraf antarabangsa, selari dengan visi USIM sebagai peneraju integrasi ilmu Naqli dan Aqli.



MENGIBAR SEMANGAT KESUKANAN MELALUI PERLAWANAN PERSAHABATAN PIALA PRESIDEN PKAUSIM 2025

Stadium Utama USIM bertempat di Kompleks Sukan Tunku Najihah menjadi saksi kemeriahan dan semangat kesukanan warga akademik apabila berlangsungnya Perlawanan Persahabatan Piala Presiden PKAUSIM 2025 pada 25 Februari 2025. Program ini bertujuan untuk memperkukuhkan ukhuwah, memupuk budaya hidup sihat, dan mengukuhkan kerjasama dalam kalangan ahli akademik USIM di luar ruang bilik kuliah dan pejabat. Perlawanan ini melibatkan dua pasukan utama iaitu Team Presiden PKAUSIM dan Team Gabungan Akademik USIM. Perlawanan berlangsung dalam format 11 sebelah dengan masa 2 separuh masa, masing-masing 30 minit. Dua kumpulan telah bertanding melibatkan Team Akademik A dan Team Akademik B.




Perlawanan berlangsung sengit namun penuh dengan semangat persahabatan dan kemeriahan. Kedua-dua pasukan menunjukkan aksi yang bertenaga dengan beberapa percubaan menarik ke arah gawang. Keputusan akhir berpihak kepada Team Akademik B dengan jaringan 5-1, namun kedua-dua pasukan diraikan sebagai pemenang atas semangat kesukanan yang ditunjukkan.

Majlis penyampaian trofi dan medal disempurnakan oleh Presiden PKAUSIM, Prof. Dr. Azman Ab Rahman. Perlawanan Persahabatan Piala Presiden PKAUSIM 2025 telah berjaya mencapai objektifnya untuk membuktikan bahawa kecemerlangan akademik harus diseimbangkan dengan kesihatan jasmani dan keharmonian sosial dalam kalangan warga universiti. Justeru, PKAUSIM amat komited untuk terus menganjurkan lebih banyak aktiviti berbentuk sukan dan rekreasi pada masa akan datang.



“Tujuan utama perlawanan ini diadakan adalah untuk membantu staf akademik berinteraksi di luar persekitaran kerja formal, mengukuhkan hubungan dan kerjasama antara jabatan atau fakulti. Semoga perlawanan ini dapat dijalankan lagi pada masa akan datang. #pkausimfiqalbi”
– Pengarah Program Dr. Mohd Hafiz Abu Hassan





IFTAR PERDANA PKAUSIM ERATKAN UKHUWAH WARGA AKADEMIK USIM

Menyantuni kedatangan Ramadan sebagai bulan tarbiah yang bukan hanya mendidik rohani, tetapi juga membentuk komuniti yang saling menyokong, saling memperkukuh dan sentiasa berada dalam kebersamaan telah menjadi kayu ukur kepada penganjuran Iftar Perdana pada tahun 2025 oleh PKAUSIM. Majlis ini dihadiri oleh lebih daripada 115 ahli PKAUSIM bersama ahli keluarga, serta tetamu jemputan dari pusat tanggungjawab terlibat. Majlis iftar ini diadakan dengan penuh kemeriahan di Kota Seri Emas Golf & Country Club, Nilai pada 20 Mac 2025. Iftar Perdana PKAUSIM ini bukan sekadar majlis berbuka puasa tetapi turut menganjurkan solat tarawih perdana sebagai manifestasi kekuatan ukhuwah dan solidariti dalam kalangan komuniti akademik USIM melibatkan aspek kerohanian.





Sehubungan itu, PKAUSIM komited untuk terus menganjurkan program-program seumpama ini yang mengimbangi keperluan spiritual, kebajikan dan pembangunan profesional dalam kalangan ahli. Semoga Ramadan kali ini menjadi medan untuk memperkukuhkan lagi hubungan antara ahli serta membawa keberkatan kepada seluruh warga akademik USIM.



RAYA KITA, POTLUCK BERSAMA: MERIAH AIDILFITRI GAYA PKAUSIM

Aidilfitri yang dibawa oleh ahli secara sukarela yang terdiri daripada menu tempatan dan antarabangsa antaranya rendang, lemas, ketupat, nasi arab, kuih raya dan pelbagai pencuci mulut yang menyelerakan. Setiap juadah bukan sekadar makanan, tetapi simbolik kepada semangat perkongsian dan kebersamaan sesama ahli PKAUSIM melibatkan pelbagai juadah yang dibawa dan dikongsi bersama.




Majlis dimeriahkan lagi dengan persembahan penuh ceria dan bermakna daripada ahli PKAUSIM antaranya persembahan nyanyian lagu raya oleh The Boys Academia di samping Prof. Dato' Dr. Haji Alias, mendeklamasikan sajak bertajuk "Ikrar Kami" disusuli dengan Pantun Seloka Raya, menyuntik elemen budaya dan nostalgia Aidilfitri. Bagi menyemarakkan suasana, majlis turut mengadakan beberapa anugerah santai untuk menghargai kreativiti dan semangat para ahli antaranya Best Dress Lelaki berpakaian raya paling bergaya, Best Dress Wanita yang berpakaian raya paling anggun dan Best Potluck untuk juadah paling kreatif, lazat dan mendapat perhatian ramai. Seterusnya, sesi Kuiz Syawal turut dianjurkan untuk menambah keceriaan dengan soalan-soalan santai berkaitan sambutan perayaan dalam kalangan jempunan.



Semasa sambutan ini berlangsung, majlis turut meraikan ahli PKAUSIM yang bakal menunaikan ibadah Haji pada tahun 2025.

Senarai Jemaah Haji PKAUSIM 2025 ialah:

- Dr. Syaryanti Hussin (Fakulti Syariah dan Undang)
- Prof. Madya Dr. Nur Huda Faujan (Fakulti Sains dan Teknologi)
- Prof. Madya Dr. Nurul Aini Muhamed (Fakulti Ekonomi dan Muamalat)
- Prof. Madya Dr. Waidah Ismail (Fakulti Sains dan Teknologi)
- Prof. Madya Dr. Norhazlina Ibrahim (Fakulti Ekonomi dan Muamalat)
- Prof. Madya Dr. Azlan Jaafar (Fakulti Pergigian)
- Dr. Mohd Adha Ibrahim (Fakulti Ekonomi & Muamalat)
- Dr. Mohd Ifwat Mohd Ghazali (Fakulti Sains dan Teknologi)
- Prof Madya Dr. Nazariah Yahaya (Fakulti Sains dan Teknologi)
- Dr. Norashikin Amran (Fakulti Pergigian)



Kemeriahan yang terpancar dalam majlis ini membuktikan bahawa semangat kekeluargaan dan ukhuwah dalam kalangan warga PKAUSIM terus subur dan menjadi kekuatan dalam mendepani cabaran dunia akademik. Semoga sambutan Syawal ini membawa keberkatan, kebahagiaan dan kejayaan buat seluruh warga PKAUSIM.





KEMBARA PULAU TINGGI: MENYANTUNI, MENGASPIRASIKAN DAN MEMBERDAYA KOMUNITI

Program Kembara PKAUSIM bagi tahun 2025 berlangsung pada 31 Mei 2025 sehingga 2 Jun 2025 bertempat di Shaz Resort, Pulau Mersing, Johor. Program ini membuka tirainya dengan pengisian pada hari pertama yang memberi peluang peserta menikmati keindahan pulau peranginan ini. Kemudian aktiviti diteruskan dengan sesi interaktif bersama pelajar KAFA dalam kalangan anak-anak penduduk di pulau ini. Program bermula pada jam 4 petang di Masjid Pulau Tinggi. Aktiviti ini diserikan dengan permainan berkonsepkan nilai murni, diikuti dengan solat Asar berjemaah. Suasana yang mesra dan penuh kemanusiaan ini membuka ruang untuk membina jalinan ukhuwah antara peserta dan komuniti pulau.

Pada jam 6.00 petang, para peserta menuju ke pesisir pantai untuk aktiviti tanggungjawab sosial iaitu program kutipan sampah. Dengan semangat cinta alam dan kesedaran sivik, peserta berganding bahu membersihkan kawasan pantai sambil menikmati panorama senja. Inisiatif ini bukan sahaja memupuk nilai murni dalam kalangan peserta, malah menyampaikan mesej penting tentang penjagaan alam sekitar kepada komuniti setempat.





Sepanjang program kembara di sini, peserta diberi ruang untuk menikmati pelbagai aktiviti santai yang ditawarkan di SHAZ Resort. Antara aktiviti menarik yang mencuri tumpuan termasuklah taman tema mini untuk kanak-kanak, kolam renang, mini zoo, dan lain-lain. Bagi mereka yang mahukan cabaran dan pengalaman tambahan, aktiviti seperti snorkeling, berkanayak, berbasikal, meredah hutan, bola tampar dan karaoke turut tersedia dengan caj tambahan. Program ini bukan sekadar kembara biasa, tetapi menjadi platform untuk menyampaikan aspirasi, menyemai kasih sayang dan membina keprihatinan sosial terhadap komuniti luar bandar. Pendekatan menyeluruh yang merangkumi pendidikan, khidmat masyarakat dan rekreasi menjadikan Kembara Pulau Tinggi satu inisiatif yang bukan sahaja menyeronokkan, malah sarat dengan nilai.



TAKWIM AKTIVITI PKAUSIM

2025



#PKAUSIMFiQalbi

JAN

MAJLIS TAHLIL
(3 JANUARI)

MESYUARAT AGUNG
LAPORAN KEWANGAN PKAUSIM
(21 JANUARI)

FI QALBI 3.0: 25 TAHUN USIM -
CABARAN DAN MASA DEPAN
(21 JANUARI)

FEB

BENGKEL PENERBITAN BAB
DALAM BUKU BERDASARKAN
TESIS
(20 FEBRUARI)

MAC

BENGKEL PROPOSAL & BAB
DALAM BUKU
(5 MAC)

IFTAR PERDANA PKAUSIM
(21 MAC)

APR

POTLUCK RAYA PKAUSIM
(25 APRIL)

MEI - JUN

AKTIVITI KESUKARELAWANAN
(31 MEI - 2 JUN)

JULAI

STRIKE SANTAI PKAUSIM
(21 JULAI)

OGOS

KARNIVAL SUKAN PKAUSIM
(21 OGOS)

SEPT

SEMINAR ANTARABANGSA ISLAM &
SAINS 2025
(10 SEPTEMBER)

OKT

TED TALK PKAUSIM
(1 OKTOBER)

HARI AKADEMIA 2025
(2 OKTOBER)

LAWATAN ANTARABANGSA

LAMPIRAN INFO AKTIVITI AKAN DATANG

• PKAUSIM FI QALBI

RM30 Yuran penyertaan
(2x set permainan, makan minum, medal & e-cert)

STRIKE SANTAI

17 JULAI 2025 | KHAMIS
DREAMTEL NILAI

Tentatif program

Staf Akademik Sahaja	1.30 petang - 2.00 petang	: Pendaftaran
	2.00 petang - 4.00 petang	: Permainan boling
	4.00 petang - 4.30 petang	: Penyampaian hadiah & sesi bergambar
	4.30 petang	: Jamuan & bersurai

Daftar sebelum 3 Julai 2025

Hubungi: 010 783 2873 (En. Ridwan)

Persatuan Kakitangan Akademik USIM (PKAUSIM)

pkausim
USIM

25



"sehati sejawa
sukan untuk semua"

KARNIVAL SUKAN

PKAUSIM KALI KE-2

SEMPENA 25 TAHUN USIM

4 SEPT 2025 KHAMIS
7.00 PAGI - 1.00 TENGAHARI

KOMPLEKS SUKAN TUNKU NAJIAH

STAF
AKADEMIK
SAHAJA

FUN RUN 1.2KM | KAROM | DAM HAJI
BOLA JARING | BOLA TAMPAR | FUTSAL | PING PONG

HUBUNGI
PENGURUS
KONTINJEN
FAKULTI

PKAUSIM FI QALBI

 pkausim.usim.edu.my

 PUSAT SUKAN
Sports Centre
Universiti Sains Islam Malaysia

• PKAUSIM FI QALBI

Hantar sebelum:
15 Ogos 2025

Penulisan

Popular

Anjuran PKAUSIM

Sempena 25 Tahun USIM

Tema:

INTEGRASI KECERDASAN BUATAN (AI)
DALAM PENDIDIKAN TINGGI

Hantar
di sini

Template

- Template penulisan disediakan.
- Sertakan gambar beresolusi tinggi (jika ada).
- Panjang artikel: 800 - 1,200 patah perkataan.
- Gaya bahasa santai, mesra dan mudah difahami.
- Format penulisan dalam Bahasa Melayu & Bahasa Inggeris

Sebarang pertanyaan: Dr. Syamila Mansor / Telefon: 018 230 2199

 Persatuan Kakitangan Akademik USIM (PKAUSIM)



INSTITUT FATWA DAN HALAL
INSTITUTE OF FATWA AND HALAL
مجمع الفتوى والاحلال



FAKULTI PENGAJIAN BAHASA UTAMA
Faculty of Major Language Studies
Universiti Sains Islam Malaysia



SEMINAR ANTARABANGSA ISLAM DAN SAINS KALI KE-8 SAIS 2025

Transcending Generations: Naqli and Aqli as
Pillars of Ummah Transformation



9 September 2025



8am – 5pm



Fakulti Pengajian
Bahasa Utama, USIM



Physical Presentation

Please email your proof/
receipt of payment to
pkasim@usim.edu.my
to complete your
registration

BANK ISLAM

05058010017874

PERSATUAN KAKITANGAN AKADEMIK USIM



Mail subject line:
SAIS2025 Payment

SEMINAR
F E E S

Early Bird
by 30 June **RM 100**

Normal
by 31 July **RM 125**

Email your full paper to these email:

latifah@usim.edu.my
(Malay)

sitirubaini@usim.edu.my
(English)

yuslina@usim.edu.my
(Arabic)

Full paper
submission &
proof of payment
(early bird)

30
June

Full paper
submission &
proof of payment
(normal)

31
July

Notification
of acceptance

15
Aug

SAIS
2025

9
Sep



Accepted paper
will be published in
e-proceeding with e-ISSN.

Download Full Paper Format:

<https://pkasim.usim.edu.my/seminar-antarabangsa-islam-dan-sains-2025/>

Inquiries about Seminar

012-203 7416

Pn. Siti Rubaini Mat

SEMINAR ANTARABANGSA ISLAM DAN SAINS 2025



RM 50

Yuran
Penyertaan

PERTANDINGAN POSTER PENYELIDIKAN INOVASI 2025

RESEARCH INNOVATION POSTER COMPETITION 2025

Sempena ulangtahun ke-25 tahun USIM

"MERENTAS GENERASI: NAQLI DAN AQLI PEMANGKIN TRANSFORMASI UMMAH"

Perak

Emas

Gangsa

Kategori Khas: Anugerah Terbaik

Kluster Kategori

Sains Sosial

Pengajian Islam

Sains & Teknologi

Pemakluman

1. Setiap peserta akan menerima sijil penyertaan (bercetak)
2. Semua pemenang akan menerima penarafan berupa pingat berdasarkan 3 kategori berasingan iaitu Sains dan Teknologi, Sains Sosial dan Pengajian Islam.

1 Julai 2025

Pembukaan

31 Ogos 2025

Tarikh tutup
• Poster (PDF)
• Submit camera ready
• Video presentation
(2 minit)

1-5
Sept 2025

Semakan
urusetia

8 - 19
Sep 2025

Penjurian

3 Okt 2025

Pengumuman
Pemenang



Hantar penyertaan anda di sini

05058010017874
BANK ISLAM MALAYSIA BERHAD
PERSATUAN KAKITANGAN
AKADEMIK USIM

Hubungi
noorfajri@usim.edu.my
(Dr. Noorfajri Ismail)

• Terbuka untuk staf Akademik USIM sahaja

PKASIM INNOVATION CHALLENGE 2025



pkausim

Persatuan Kakitangan Akademik Universiti Sains Islam Malaysia

Penerbit:

Persatuan Kakitangan Akademik USIM (PKAUSIM)
Universiti Sains Islam Malaysia
Bandar Baru Nilai,
71800 Nilai Negeri Sembilan

Editor:

Dr. Umi Hamidaton Mohd Soffian Lee
Dr. Haslinawati Mohd Mustapha
Dr. Nur Ilyana Ismarau Tajuddin
Dr. Wan Muhammad Shaker Wan Adnan